

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN KE ATAS AKTIVITI SAMPINGAN  
BERKAITAN GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB) DI BAWAH SEKSYEN 65A AKTA  
KASTAM 1967**

BIL	SOALAN	JAWAPAN				
1.	Apakah aktiviti sampingan yang dibenarkan dijalankan di bawah pelesenan GPB?	<p>Aktiviti tambah nilai yang merangkumi aktiviti seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelidikan dan Pembangunan (<i>Research and Development, R&amp;D</i>);</li> <li>ii. Rekabentuk (<i>Product Design</i>);</li> <li>iii. Pemasaran (<i>Marketing</i>), hanya bagi pengilang berstatus <i>International Procurement Centre, IPC</i>;</li> <li>iv. Pengagihan (<i>Distribution</i>), hanya bagi pengilang berstatus <i>Regional Distribution Centre, RDC</i>;</li> <li>v. Kawalan Mutu (<i>Quality Control</i>);</li> <li>vi. Pengujian dan Pentauliahan (<i>Testing and Commissioning</i>) termasuk Penentukan dan Konfigurasi (<i>Calibration and Configuration</i>);</li> <li>vii. Pelabelan, Pembungkusan dan Pembungkusan Semula (<i>Labelling, Packaging and Re-Packaging</i>);</li> <li>viii. Pengilangan Semula, Pembaikan dan Perkhidmatan Servis (<i>Remanufacturing, Repairing and Servicing</i>); dan</li> <li>ix. Pengurusan Rantaian Bekalan, Operasi Perolehan Strategik dan Penyelesaian Sokongan Menyeluruh (<i>Supply Chain Management, Strategic Procurement Operation and Total Support Solutions</i>).</li> </ul>				
2.	Bagaimana syarikat saya boleh menjalankan aktiviti sampingan ini?	<p>Syarikat tuan boleh mengemukakan permohonan kepada stesen Kastam yang mengawal syarikat tuan.</p> <p>Garis panduan dan borang permohonan boleh didapati melalui pautan berikut;</p> <p style="text-align: center;"><a href="http://www.customs.gov.my/ms/ip/Pages/ip_actkilang.aspx">http://www.customs.gov.my/ms/ip/Pages/ip_actkilang.aspx</a></p>				
3.	Apakah penambahbaikan yang telah dilakukan?	<p>Peningkatan kadar peratusan aktiviti tambah nilai yang boleh diluluskan dalam tempoh 12 bulan kalendar pelesenan;</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">Kadar Lama</td><td style="text-align: center;">Kadar Baharu</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">10%</td><td style="text-align: center;">40%</td></tr> </table>	Kadar Lama	Kadar Baharu	10%	40%
Kadar Lama	Kadar Baharu					
10%	40%					
4.	Bagaimana kaedah kiraan peratusan berkenaan?	$\frac{\text{jumlah nilai aktiviti tambah nilai}}{\text{jumlah nilai jualan tahunan}} \times 100\%$				
5.	Bila tarikh kuatkuasa perubahan kadar baharu ini?	7 November 2020				

6.	Adakah semua aktiviti yang disenaraikan di JAWAPAN 1 di atas terlibat dengan perubahan kadar baharu ini?	<p>Semua aktiviti yang disenaraikan adalah terlibat KECUALI aktiviti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pemasaran, hanya bagi pengilang berstatus <i>International Procurement Centre, IPC</i>; dan</li> <li>b. Pengagihan, hanya bagi pengilang berstatus <i>Regional Distribution Centre, RDC</i>.</li> </ul> <p>Kedua-dua aktiviti di atas adalah tertakluk kepada peratusan kuota jualan yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)</p>
7.	Adakah semua syarikat GPB boleh menikmati kadar yang baharu ini?	Ya
8.	Bagaimana syarikat boleh memohon kadar baharu ini?	<p>Kadar baharu ini adalah berkuatkuasa mulai 7 November 2020 bagi syarikat GPB yang mengemukakan permohonan baharu atau lanjutan untuk menjalankan aktiviti tambah nilai.</p> <p>Bagi syarikat yang masih mempunyai tempoh kelulusan sedia ada yang masih sah, syarikat boleh mengemukakan permohonan untuk meningkatkan kadar peratusan berkenaan kepada Stesen Kastam yang mengawal syarikat. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Surat rasmi: permohonan untuk meningkatkan peratus kelulusan bagi menjalankan aktiviti tambah nilai; dan</li> <li>b. Salinan kelulusan sedia ada.</li> </ul> <p>Pengiraan had jualan menggunakan kadar baharu ini dibuat mulai tarikh kelulusan sebelum ini, tidak awal daripada 1 April 2020.</p>
9.	Sekiranya perubahan tersebut tidak membawa sebarang kesan ke atas aktiviti syarikat, adakah saya masih perlu mengemukakan permohonan tersebut?	Tidak perlu.
10.	Apakah rasional kerajaan melaksanakan kadar baharu ini?	Inisiatif ini adalah usaha kerajaan meningkatkan lagi daya saing syarikat serta memenuhi dinamik perdagangan global.
11.	Sekiranya saya mempunyai permasalahan dan persoalan lanjut, dengan siapa saya perlu merujuk?	Pihak tuan boleh terus merujuk kepada stesen kastam yang mengawal syarikat tuan.